

Konflik Hak Tanah Adat (*Native Costumary Rights*) Kampung Imahit Tenom, Sabah

Indigenous Land Rights Conflict (Native Costumary Rights) of Kampung Imahit, Tenom, Sabah

Madeline Henry Luyan*, Gaim James Lunkapis
Jabatan Geografi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan,
Universiti Malaysia Sabah, 88999 Kota Kinabalu, Sabah
*e-mel: madelineluyan@yahoo.com

Abstrak

Konflik tanah adat semakin kritikal dalam kalangan Orang Asal di seluruh dunia. Di Malaysia khususnya di Sabah, konflik ini merupakan antara isu yang hangat kerana melibatkan pengiktirafan hak Orang Asal terhadap penggunaan tanah, harta benda, amalan adat, budaya dan kepercayaan mereka secara tradisional. Artikel ini membincangkan dan menjelaskan konflik hak tanah adat yang dihadapi oleh penduduk Kampung Imahit, Tenom, Sabah dan menerangkan kepentingan hak tersebut kepada mereka. Objektif kajian ini adalah untuk memahami kaedah penjagaan hutan adat, mengkaji kepentingan dan kesan yang dihadapi oleh Orang Asal yang terlibat serta mendapatkan persepsi penduduk berkenaan hak mereka terhadap tanah adat pada masa kini. Kajian berdasarkan pada kupasan literatur, pemerhatian, temu bual dan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Hasil kajian mendapati tanah adat sinonim dengan Orang Asal kerana menjadi asas kepada kehidupan mereka malah keseimbangan ekosistem hutan dicapai melalui amalan-amalan tradisional secara mapan. Dapatan kajian menunjukkan hak penduduk masa kini berkurangan dan tidak bebas seperti amalan terdahulu.

Kata Kunci: konflik, hak tanah adat, penjagaan hutan, adat, orang asal

Abstract

Conflicts involving customary land have become more critical among indigenous people worldwide. In Malaysia especially in Sabah, such conflicts become heated issues because it involves the recognition of indigenous rights to land use, property, customary practices, cultural and traditional beliefs. This article discusses the conflict involving customary land rights faced by the Kampung Imahit, Tenom, Sabah and explains the importance of these rights for this community. In this regard, the study seeks to understand the traditional ways used in preserving land, to understand the impact of land rights conflict faced by indigenous people. The study used the combination of qualitative and quantitatively method through literature review, observation and interviews. The study finds that indigenous lands indeed synonymous with indigenous people because it is fundamental for their livelihood. Their traditional practices contribute to a more balanced ecosystem through traditional practices. Research findings shows that rights of indigenous communities have diminished with less freedom to practice their previous traditions.

Keywords: customary land, indigenous forests protection, customary forests, indigenous people

PENGENALAN

Tanah adat merupakan tanah yang menjadi asas kepada kehidupan masyarakat orang asal khususnya dalam aktiviti sosial dan sosioekonomi mereka (Telapak, 2011). Pada kebiasaannya, tanah adat telah diusahakan oleh penduduk peribumi sejak turun temurun dan satu-satunya harta yang paling bernilai (Ordinan Tanah Sabah, 1996). Penduduk peribumi ini dikenali menerusi kebudayaan yang merangkumi adat resam, sistem nilai, sistem kepercayaan, bahasa, perubatan tradisional, kesenian dan pantang larang yang mereka amalkan (Telapak, 2011).

Sistem pentadbiran berkenaan tanah di Malaysia sememangnya ditadbir berdasarkan sistem perundangan Malaysia. Perundangan berkenaan tanah terbahagi kepada empat iaitu Kanun Tanah Negara 1965 (yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia), Kanun Tanah Sarawak 1958 (Bab 81) di negeri Sarawak dan Ordinan Tanah Sabah 1930 (Bab 68) yang berkuasa di negeri Sabah sahaja.

Pentadbiran tanah di Malaysia melalui majlis tanah negara adalah berdasarkan perundangan sistem Torrens (Simpson, 1976). Pentadbiran ini telah memberi perlindungan terhadap pemilikan tanah di


Malaysia dan cenderung dihormati. Namun pengaplikasian undang-undang tersebut adalah kurang dan tidak konsisten serta berubah-ubah sehingga sukar diimplementasikan mengikut perubahan yang berlaku. Seterusnya ia juga telah mencetuskan pelbagai konflik dalam kalangan pemegang tanah tersebut memandangkan tujuan penggubalan Sistem Torrens dahulu adalah disebabkan oleh kepentingan ekonomi British (Ramy Bulan, 2003). Salah satu konflik yang berlaku akibat daripada perubahan ini adalah konflik perebutan hak milik tanah adat di antara pihak luar seperti pemaju tanah, syarikat luar (swasta) dan juga kerajaan dengan penduduk orang asal yang mendiami kawasan tersebut (Ramy Bulan, 2003). Berdasarkan kepada kajian perpustakaan, pengaplikasian sistem perundangan dan pemberian hak kepada orang asal dalam pemilikan tanah dilihat masih belum cukup kukuh dalam mempertahankan hak orang asal terhadap tanah adat mereka (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2014).

LOKASI DAN METOD KAJIAN

Kajian ini dijalankan di daerah Tenom, Sabah iaitu di Kampung Imahit. Kampung ini terletak di kawasan pedalaman Kemabong iaitu kira-kira 10 kilometer dari Pekan Kemabong (Rajah 1). Jarak kawasan lebih kurang 55 kilometer dari pekan Tenom manakala wilayah tanah adat pula meliputi kawasan seluas kira-kira 9, 497.8 ekar persegi (3, 843.6 hektar persegi). Majoriti penduduk Kampung Imahit adalah berketurunan Murut (Tahol). Petempatan masyarakat Murut ditunjukkan dalam Rajah 2. Jumlah penduduk Kampung Imahit menurut ketua badan bertindak kampung tersebut En. Barani Ambise adalah seramai lebih kurang 500 orang dan rata-rata penduduk di kawasan kajian adalah miskin serta kebanyakannya bekerja sebagai petani, sedikit bekerja dengan kerajaan dan juga bidang perindustrian dan pembuatan. Pemilihan kawasan tanah adat sebagai kajian kes adalah berdasarkan pada konflik tanah adat yang berlaku dan dialami oleh penduduk di kawasan kajian.



Rajah 1 Peta lokasi Kampung Imahit, Tenom, Sabah
Sumber: Diubahsuai daripada JUPEM (2015)



Rajah 2 Petempatan masyarakat Murut

Sumber: Diubahsuai daripada Ismail Ibrahim (2012)

Kaedah kajian yang dipilih adalah melalui kaedah cerapan data lapangan untuk mendapatkan data konflik tanah adat. Selain itu, data arkib juga diperoleh dari ketua masyarakat setempat dan diubah suai untuk menjawab objektif kajian. Turut dilakukan ialah kaedah pemerhatian, temu ramah dan soal selidik. Kaedah pemerhatian telah dijalankan bagi mengenal pasti situasi semasa kajian dan amalan penjagaan hutan adat secara umum. Temu ramah pula dilakukan bersama dengan ketua pengerusi badan bertindak Kampung Imahit, ahli komuniti tempatan di kawasan kajian dan juga keenam-enam orang asal yang telah disabitkan kesalahan menceroboh kawasan hutan simpan. Tujuan temu ramah ialah bagi mendapatkan gambaran sebenar berkaitan konflik tanah adat di kawasan kajian.

Sebanyak 98 peratus dari keseluruhan responden adalah daripada etnik Murut, manakala selebihnya adalah etnik Dusun iaitu sebanyak dua peratus. Dari segi nisbah gender pula, 26 responden adalah lelaki (52%) dan 24 orang perempuan (48%). Analisis pola pekerjaan menunjukkan bahawa sebahagian besar responden bekerja sendiri (86%), bekerja di sektor swasta (8%) dan 6 peratus lagi merupakan kakitangan kerajaan (6%).

Seramai 50 orang responden daripada keseluruhan penduduk di kawasan kajian telah memberikan maklum balas melalui soal selidik iaitu 1 nisbah 10 (500 penduduk mewakili 50 responden) (Krejcie & Morgan, 1970). Soal selidik dijalankan bertujuan mendapatkan maklum balas terhadap konflik tanah adat di kawasan kajian. Maklumat data yang diperoleh melalui borang soal selidik tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan analisis kajian rintis bagi mengenal pasti kesahihan. Analisis skor min dan analisis *crosstab* turut dilakukan bagi menganalisis hubungan dua pemboleh ubah untuk melihat darjah kesignifikan *chi-square* melalui perisian *SPSS*. Darjah kesignifikan *chi-square* dilihat menerusi respon masyarakat dari segi pelaksanaan kaedah pemeliharaan hutan secara tradisional, kepentingan tanah adat, impak kehilangan tanah adat dan persepsi berkaitan hak penduduk Kampung Imahit terhadap tanah adat pada masa kini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Artikel ini memberi fokus kepada konflik tanah adat, memahami kaedah penjagaan hutan adat, mengkaji kepentingan dan kesan yang dihadapi oleh Orang Asal yang terlibat serta mendapatkan persepsi penduduk berkenaan hak mereka terhadap tanah adat pada masa kini. Hasil kajian dibincangkan dalam objektif I, II III dan IV.

Analisis Objektif 1: Memahami Kaedah Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan Secara Tradisional Oleh Orang Asal Kampung Imahit

Berdasarkan analisis skor min yang telah dilakukan mendapati bahawa kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan hutan secara tradisional oleh orang asal kampung Imahit terbahagi kepada tiga jenis kaedah yang utama iaitu melalui sistem pengezonan, sistem tagal dan sistem tanaman giliran.

(i) Sistem pengezonan

Sistem pengezonan merupakan satu kaedah yang digunakan oleh penduduk Kampung Imahit untuk mengasingkan setiap kawasan yang mempunyai fungsinya yang tersendiri seperti kawasan memburu, kawasan yang mempunyai rotan dan kawasan pertanian (Dimbab Ngidang et al., 2003). Hasil kajian yang dilakukan juga mendapati bahawa sistem ini dapat menjaga sumber yang berharga dan kesuburan tanah dapat dikekalkan. Bagi menjaga kesuburan tanah dan membolehkan proses pemulihan berlaku, tapak pertanian dan penanaman padi sengaja dibatasi dengan sempadan yang telah ditetapkan.

(ii) Sistem Tagal

Analisis kajian juga mendapati bahawa sistem tagal merupakan salah satu kaedah pemeliharaan sumber hutan yang mapan oleh penduduk orang asal di kawasan tanah adat Kampung Imahit. Kaedah ini juga dikenali sebagai Bombon (jangan) oleh masyarakat Kadazandusun (Foo, 2011). Sistem ini merupakan sistem pengurusan biosfera yang bertujuan membataskan kebebasan penduduk untuk mengambil sumber ikan yang terdapat dalam sungai. Dapatan juga menunjukkan bahawa sistem Bombon dilaksanakan oleh penduduk Kampung Imahit bagi mengelakkan berlakunya kepupusan terhadap sumber ikan di sungai, membantu meningkatkan jumlah ikan dan bagi memastikan kewujudan sumber ikan yang berterusan. Menurut responden, sistem tagal berupaya melarang aktiviti memancing, menjala dan memukat ikan atau sumber lain yang terdapat dalam sungai tersebut (Foo & Harifah, 2012).

(iii) Sistem tanaman Giliran

Hasil daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa penduduk Kampung Imahit turut mengamalkan sistem tanaman giliran bagi memelihara kesuburan tanah di kawasan tanah adat. Sistem ini merupakan satu kaedah penggunaan tanah pertanian oleh petani yang diusahakan secara bergilir-gilir apabila kesuburan tanah telah berkurangan. Sistem ini juga merujuk kepada jenis tanaman yang diusahakan oleh petani di mana mereka menanam jenis tanaman yang berbeza secara bergilir-gilir. Antara jenis tanaman yang ditanam secara bergilir-gilir adalah tanaman jenis ubi-ubian, padi huma dan sayur-sayuran (Siam Mantang, 2014).

Analisis Objektif 2: Menganalisis Persepsi Penduduk Mengenai Kepentingan Tanah Adat.

Analisis kajian berkenaan kepentingan tanah adat kepada penduduk Kampung Imahit mendapati bahawa tanah adat ini dianggap sangat berperanan dalam menjaga ekosistem alam sekitar, mempunyai nilai estetika, kawasan perkuburan nenek moyang, tempat mencari sumber makanan, penduduk dan hutan tanah adat mempunyai hubungan spiritual yang kuat. Tanah adat juga mendatangkan kepentingan berdasarkan fungsinya sebagai kawasan pertanian orang asal (Siam Mantang, 2014).

Kepentingan hutan tanah adat sememangnya tidak dapat dinafikan lagi kepada penduduk Kampung Imahit khususnya dalam sosioekonomi mereka. Secara umumnya, daripada pemerhatian yang dilakukan mendapati bahawa tanah adat akan mempengaruhi kehidupan orang asal jika hak mereka dirampas. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd Shafiq dan Azima (2014) yang menyatakan bahawa kehilangan hak tanah adat akan menyebabkan pengetahuan tradisional orang asal akan terjejas. Selain itu, sekiranya hak ini diambil maka sosio-kehidupan penduduk peribumi yang hanya bergantung dengan pengetahuan tradisional akan terancam (Sarim Arus, 2014).


Salah satu kepentingan tanah adat bagi masyarakat orang asal di Kampung Imahit adalah tanah adat ini merupakan satu tempat yang mempunyai nilai estetika (Ansam, 2014). Mereka berasa bersatu dengan wilayah nenek moyang mereka dan menjadi tanggungjawab mereka untuk menjaga keadaan tanah, air, tumbuh-tumbuhan dan haiwan kerana semua ini merupakan tanah adat yang memberi identiti mereka sebagai orang asal (Yogeswaran, 2007). Hubungan diantara masyarakat asal dengan tanah adat merupakan kepentingan yang bakal diperoleh oleh kedua-dua alam sekitar dan manusia. Pengekalan ekosistem membolehkan generasi akan datang dapat menikmati sumber hutan pada masa akan datang kerana di samping menjaga ekosistem, masyarakat asal akan mengekalkan amalan dan adat budaya mereka dan menurunkannya pada generasi seterusnya.

Analisis juga mendapati bahawa masyarakat ini mempertahankan tanah adat disebabkan oleh adanya tapak kuburan nenek moyang mereka di kawasan tersebut. Menurut tradisi kaum Murut di kawasan kajian, mereka menggunakan dua kaedah untuk mengebumikan mayat iaitu melalui kaedah pengebumian ‘*Finandaian*’ dan kaedah pengebumian biasa.

(i) Kaedah pengebumian “*Finandaian*”

Kaedah pengebumian merupakan satu kaedah untuk mengawet mayat dengan cara pengeringan supaya mayat tidak mudah reput. Kaedah ini kebiasaannya digunakan untuk mengebumikan orang yang selalu pergi berperang yang digelar sebagai ‘Apanggol’ dalam bahasa Murut yang bermaksud gagah berani. Hal ini demikian kerana, mereka dianggap sebagai wira oleh penduduk kampung. Oleh itu, kaedah pengebumian bagi orang ‘Apanggol’ adalah dilakukan secara unik.

Menurut salah seorang penduduk Kampung Imahit iaitu En. Barani, apabila ada wira yang meninggal dunia, penduduk akan membina pondok kecil dengan menggunakan buluh, kayu dan rotan sebagai pengikat untuk meletak mayat. Seterusnya, mayat akan diawet dengan menggunakan pasir dan membalutnya menggunakan kulit kayu. Kemudian, mayat yang telah siap dibalut tadi akan diletakkan di dalam pondok seperti dalam lakaran (Rajah 3 & Rajah 4).



Rajah 3 Lakaran tempat pengembumian *Finandaian*



Rajah 4 Gambar kuburan *Finandaian*

(ii) Kaedah Pengebumian Biasa

Kaedah pengebumian yang kedua pula biasanya digunakan oleh orang Murut di kawasan Kampung Imahit untuk mengebumikan mayat di dalam tanah. Biasanya penduduk akan menggali tanah sedalam 4 hingga 5 kaki ke bawah dan kulit kayu akan diletakkan sebagai alas dinding kubur di mana ia akan dilekatkan pada dinding tersebut dengan menggunakan buluh atau kayu. Seterusnya, mayat akan diletakkan di dalam tanah yang digali manakala kayu akan disusun untuk menutup lubang kubur sebelum ditimbus atau ditutup dengan tanah bagi meninggalkan ruang kosong di dalam kubur tersebut.

Kaedah pengebumian yang kedua merupakan pengebumian yang selalu digunakan oleh masyarakat Kampung Imahit kerana kaedah pengebumian “*Finandaian*” hanya digunakan untuk orang-orang yang digelar ‘Apanggol’. Namun menurut penduduk di kawasan kajian, hampir semua kubur yang menggunakan kaedah ini akan ‘*sumuvok*’ (termendap) selepas beberapa tahun mengikut ketahanan kayu yang digunakan untuk menutup lubang kubur tersebut.

Daripada maklumat yang diberikan oleh Stanley Boyor (2014), orang Murut biasanya akan meletakkan barang-barang si mati berhampiran dengan kuburnya. Antara barang-barang yang diletakkan adalah seperti tajau (tembikar seramik), peralatan memasak, pinggan mangkuk dan barang-barang lain mengikut permintaan orang tersebut ketika masih hidup. Walau bagaimanapun, kaedah-kaedah pengebumian yang dinyatakan di atas tidak lagi diamalkan oleh orang-orang Murut sejak tahun 80an kerana pengaruh agama dan juga arus pemodenan. Disebabkan ia telah tidak diamalkan lagi maka penduduk di Kampung Imahit hanya mampu menjaga tapak kuburan tersebut supaya generasi cucu cicit mereka yang akan datang mengetahui tentang adat istiadat dan tradisi yang diamalkan oleh nenek moyang mereka pada masa lampau. Bagi mereka, tanah adat tidak ternilai harganya walau diberi pampasan yang lumayan.

Cara hidup sesebuah masyarakat dapat diperhatikan berdasarkan paparan pengetahuan dan tingkah laku masyarakat tersebut. Menurut Huntington (1999), peradaban sesuatu masyarakat adalah kepelbagaian entiti budaya yang mengidentifikasikan legitimasi sesebuah masyarakat. Peradaban menurut Huntington (1999) lagi adalah terbahagi kepada tiga iaitu produk masyarakat yang bersifat warisan dan terkenal seperti sastera, muzik dan seni, kedua ialah tata-cara kehidupan sesebuah masyarakat termasuklah struktur sosial dan bentuk-bentuk lain yang bermakna kepada masyarakat tersebut. Selain itu, ia juga merupakan sesuatu yang bersifat subjektif seperti kepercayaan, nilai, tingkah laku dan tanggapan yang dapat menggambarkan masyarakat tersebut.

Analisis Objektif 3: Menganalisis Kesan Kehilangan Hak Tanah Adat Dalam Kalangan Penduduk Kampung Imahit

Berdasarkan analisis skor min yang dilakukan hasil dari dapatan temu bual bersama responden mendapati perubahan yang ketara dalam kalangan masyarakat asal dapat dilihat melalui perubahan nilai-nilai sosiobudaya komuniti ini. Sebagai contoh, dalam aspek kedudukan dan petempatan mereka. Kegiatan seharian mereka yang berasaskan tradisional seperti bermain di dalam hutan, berkebun dan memburu tidak lagi dapat dilakukan secara bebas. Mereka lebih terikat pada aktiviti yang bersifat formal. Hasil kajian juga mendapati, kesan jangka panjang yang dihadapi adalah kepercayaan terhadap nilai-nilai tradisi semakin longgar dan pengetahuan mereka terhadap persekitaran juga akan terjejas apabila berlakunya perubahan pada persekitaran mereka (Colchester, et al., 2008).

Jadual 1 Analisis Kekerapan Menggunakan Skor Min

Skor Min	Tahap Ukuran
1.00 – 2.40	Rendah
2.41 – 3.80	Sederhana
3.81 – 5.00	Tinggi

Jadual 2: Analisis Kekekrapan Menggunakan Skor Min

No.	Item	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)	Min	Tahap
1.	Kehilangan tanah adat menjejaskan pengetahuan tradisional	0	2	1	6	2	4.08	Tinggi
2.	Kawasan tanah adat mengalami hakisan kesan daripada pertanian tradisional?	0	2	6	2	2	2.02	Rendah
3.	kehilangan tanah adat memberi kesan kepada persekitaran fizikal orang asal.	0	0	2	2	6	3.84	Tinggi
4.	Kehilangan tanah adat menjejaskan sosioekonomi penduduk orang asal.	0	0	0	0	0	4.10	Tinggi
5.	Orang asal kehilangan hak akses atau hak untuk masuk ke kawasan tanah adat	6	2	2	8	2	2.58	Sederhana
6.	Kehilangan hak tanah adat menjejaskan perkembangan pengetahuan tradisional orang asal		7	2	0	4	3.94	Tinggi
7.	Kerosakan alam disebabkan aktiviti tradisional seperti pertanian pindah randah dapat dikurangkan melalui pengambilan hak tanah adat.	2	4	8	6	0	2.38	Rendah
8.	Kehilangan tanah adat tidak menjejaskan perkembangan kebudayaan dan amalan tradisional.	2	0	6	2	0	1.78	Rendah
9.	Kehidupan orang asal terjejas dengan pengambilan tanah adat.	2	0	6	2	0	3.98	Tinggi
10	Pengambilan tanah adat tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada penduduk orang asal	2	4				1.56	Rendah

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Johndy Kavar berumur 30 tahun iaitu penduduk orang asal kampung Imahit, tanah adat adalah segala-galanya bagi mereka. Pengambilan hak tersebut mengakibatkan sosio kehidupan mereka terganggu. Kenyataan ini bukan sahaja dialami oleh responden tetapi juga oleh beberapa penduduk orang asal di dunia. Menurut mereka tanah orang asal sepatutnya perlu diberi perlindungan dan ditangani dengan sebaiknya kerana ia merupakan nadi kehidupan bagi masyarakat peribumi luar Bandar yang mempunyai “*moral ekonomi*” yang tinggi dan menjadi nadi kepada generasi seterusnya. Mereka bukan menolak pembangunan atau menentang pihak pemerintah tetapi mereka ingin mengekalkan nilai-nilai moral yang terdapat dalam persekitaran asal mereka. seperti yang dikatakan oleh Lian Bue, Ketua Kampung Long Pelutan, Masyarakat Penan, Sarawak (2007) dan Tayujin Shuwi Peas, Achuar Elder. Peru. Amazon (2009) berkenaan tanah adat mereka:-

“Bagi kami, kami tidak sedar atau tak diberitahu kawasan kami telah diwartakan atau digazetkan untuk tujuan-tujuan lain. Ini bererti kami masih menganggap tanah kami sebagai tanah hak adat dan kami punya hak. Memang kompeni ada cakap kami tak ada hak atas tanah itu, tapi kami sudah berada di sini sejak banyak generasi dahulu”.

(Dipetik dari: Lian Bue, Ketua Kampung Long Pelutan, Masyarakat Penan, Sarawak, 2007).

Nilai-nilai moral yang diamalkan oleh responden juga susah diganti dan di perolehi tetapi hanya terdapat di kawasan luar bandar yang hidup teguh berprinsipkan mempertahankan tanah nenek moyang, kuburan, hutan dan sumber makanan mereka. Tanah adat, identiti, adat dan budaya orang asal adalah melebihi segala-segalanya bagi mereka (Dimbab Ngidang, 2007).

“Our territory is like our mother, it is not something that can be bought or sold”

(Dipetik dari: Tayujin Shuwi Peas, Achuar Elder. Peru.Amazon, 2009.)

Salah satu kesan negatif yang bakal dihadapi oleh responden akibat kehilangan tanah adalah kemusnahan ekologi dan alam sekitar. Kesan ini berlaku apabila adanya aktiviti pembalakan, projek pembangunan dan perladangan kelapa sawit di kawasan tanah adat orang asal. Akibatnya, kepupusan spesies haiwan, reptilia, dan burung akan meningkatkan lagi pembiakan haiwan pemangsa. Pembinaan empangan besar merupakan salah satu contoh pembangunan yang membawa kesan besar kepada kehidupan masyarakat orang asal (Sahabat Alam Malaysia dan *World Rainforest Movement*, 1990). *The world commission on Dams (WCD)* mendedahkan bahawa pembinaan empangan yang besar akan memberi kesan kepada orang asal pada masa hadapan (*Suhakam’s Report On The Murum Hydroelectric Project And Its Impact Towards The Economics, Social And Cultural Rights Of The Affected Indigenous People In Sarawak*, 2009).

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan yang diberikan oleh responden penyelidik mendapati bahawa kesan yang bakal dihadapi bukan sahaja terhadap ekonomi, persekitaran tetapi juga terhadap budaya dan sosial mereka sendiri.

Analisis Objektif 4: Menganalisis Persepsi Responden Berkenaan Sejauh Manakah Hak Penduduk Kampung Imahit Terhadap Tanah Adat Mereka Pada Masa Kini.

Objektif keempat dalam kajian yang dijalankan ini adalah menganalisis persepsi responden dengan menggunakan analisis *crosstab* berkenaan dengan hak penduduk kampung Imahit terhadap tanah adat di kawasan kajian melalui pemerhatian, temubual dan soalan terbuka yang diusulkan kepada responden. Dalam borang soal selidik yang telah diberikan, terdapat tiga jenis kategori yang dapat diberikan berdasarkan jawapan responden iaitu masih mempunyai hak, mempunyai hak terbatas, dan tidak mempunyai hak.

Berdasarkan kepada Jadual 3 di bawah kategori jawapan responden dapat dibahagikan kepada tiga iaitu mempunyai hak, mempunyai hak terbatas dan tidak mempunyai hak. Berdasarkan kepada analisis soal selidik yang berkaitan dengan objektif keempat kajian ini menunjukkan bahawa kategori bagi tidak mempunyai hak mendapat keputusan tertinggi iaitu 20% atau 10 orang.

Jadual 3 Persepsi Responden Berkenaan Sejauh Manakah Hak Penduduk Kampung Imahit Terhadap Tanah Adat Mereka Pada Masa Kini.

Kategori	Jumlah Responden	Peratus (%)
Masih Mempunyai Hak	5	10
Mempunyai Hak Terbatas	6	12
Tidak Mempunyai Hak	10	20

Kategori bagi mempunyai hak terbatas pula menunjukkan jumlah peratusan yang sederhana sahaja iaitu 12% atau 6 orang. Sementara itu sebanyak 10% atau 5 orang responden yang menyatakan bahawa hak mereka pada masa kini di kawasan tanah adat adalah masih mempunyai hak. Hal ini dapat dilihat dalam soal selidik iaitu penduduk kampung Imahit masih bebas memasuki kawasan tanah adat, bercucuk tanam dan melakukan aktiviti seharian memandangkan kawasan tanah adat merupakan kawasan petempatan responden sejak nenek moyang mereka lagi. Berdasarkan kepada kajian pemerhatian yang telah dijalankan, terdapat kuburan nenek moyang di kawasan kajian sebagai bukti yang menunjukkan bahawa kawasan tanah adat telah didiami oleh mereka sebelum pengisytiharaan sebagai hutan simpan II di lakukan.

Kehilangan hak tanah adat atau dalam kategori tidak mempunyai hak menunjukkan tahap persepsi responden berkenaan hak penduduk Kampung Imahit terhadap tanah adat mereka. Secara umumnya, daripada pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik mendapati bahawa 20% responden mengakui bahawa mereka tidak mempunyai hak terhadap tanah adat mereka lagi disebabkan hak mereka dirampas oleh pihak Jabatan Perhutanan. Hasil daripada soal selidik yang telah diberikan mendapati terdapat tiga faktor kehilangan yang menyebabkan responden kehilangan tanah adat iaitu ketiadaan notis atau

pewartaan kawasan tanah adat sebagai hutan simpan kelas II dilakukan (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2014).

Kedua, pewartaan tanah adat sebagai hutan simpan kelas II dilakukan tanpa mendapat persetujuan daripada penduduk kampung Imahit. Kajian ini disokong oleh Abdul Aziz (1996) yang menyatakan bahawa tuan punya tanah haruslah diberitahu bahawa tanahnya diambil oleh kerajaan dan mendapat pampasan yang mencukupi. Faktor kehilangan hak yang ketiga ialah responden menyatakan bahawa mereka kekurangan sokongan daripada pihak-pihak yang sepatutnya dan pada masa yang sama penduduk tidak mempunyai kuasa dalam mempertahankan hak mereka.

Hak terbatas di kawasan tanah adat adalah disebabkan oleh pewartaan Hutan simpan kelas II iaitu Hutan Simpan untuk tujuan komersial seperti pembalakan. Responden sebanyak 20% menyatakan bahawa hak pemilikan tanah adat mereka pada masa kini terbatas akibat keputusan mahkamah persekutuan yang menjadikan sebahagian kampung Imahit sebagai Hutan simpan Kelas II. Hasil kajian juga turut mendapati aktiviti tradisional terbatas akibat peraturan yang dikenakan oleh pihak Jabatan Perhutanan Tenom dan hak keistimewaan bumiputera Sabah dianggap tidak lagi dititikberatkan dalam menjaga hak responden sebagai orang asal.

PERBINCANGAN, SARANAN DAN CADANGAN

Beberapa implikasi yang dapat diketengahkan dalam kajian ini adalah mencakupi implikasi kepada masyarakat setempat, Pihak Berkuasa Tempatan serta penggubal dasar iaitu Jabatan Perhutanan dengan kajian ini. Hasil dapatan kajian ini, implikasi-implikasi yang berlaku akibat kehilangan hak tanah adat telah memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan hak tanah adat (NCR) terhadap kehidupan orang asal yang harus dijaga sebagai sebuah aset yang bernilai pada masa akan datang. Peranan daripada pihak atasan dalam pengurusan kawasan tanah adat adalah sangat penting bagi memastikan pembangunan, pewartaan atau apa-apa aktiviti yang dijalankan di kawasan tanah adat tidak melanggar hak-hak orang asal dan hak mereka untuk mendapat kehidupan berdasarkan dasar dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh penggubal dasar daripada pihak atasan.

Konflik adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan tetapi konflik juga boleh diselesaikan sekiranya semua pihak yang terlibat bekerjasama dan saling menghormati di antara satu dengan yang lain. Masalah pengambilalihan tanah adat ini dapat diselesaikan melalui tiga cara iaitu melalui perundangan, sokongan padu semua pihak dan ketelusan pihak pentadbiran. Daripada penelitian serta pengamatan terhadap kajian yang dijalankan ini, langkah yang harus dilakukan dalam mengawal masalah ini adalah dengan perbincangan atau sokongan padu dari setiap individu yang terlibat dengan sesuatu pewartaan.

Dalam kes Sagong Tasi dan Ors vs Kerajaan Negeri Selangor, Adong Kuwau dan Khalip Bachik telah memberi desakkan kepada undang-undang untuk memberikan pengiktirafan kepada mereka sebagai orang asli yang empunya tanah adat (Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli, 2014). Berhubungan kes Sagong Tasi, testimoni daripada ketua pengarah JAKOA berhubung dengan kes tersebut menyatakan bahawa Dasar 1961 pertama yang diumumkan oleh kerajaan mengenai Orang Asli adalah masih berkuat kuasa dan tidak pernah dibatalkan.

“Kedudukan istimewa berkaitan oenggunaan tanah dan hak-hak tanah adalah diiktiraf. Untuk itu, setiap usaha hendaklah dibuat untuk menggalakka kumpulan-kumpulan yang lebih maju mengamalkan cara hidup yang lebih tersusun dan dengan itu membantu mereka untuk maju dari segi ekonomi selari dengan masyarakat lain di negara ini. Orang Asli juga tidak akan dipindahkan dari kawasan tradisi mereka tanpa persetujuan”

(Dipetik dari: Perenggan Dasar 1(d) Kenyataan Dasar 1961,
Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal,
2014).

Desakkan pengiktirafan ini dilakukan kerana tiadanya pengiktirafan secara formal kepada hak tanah orang asal sehinggalah pada tahun 2002, mahkamah tinggi Selangor telah mengisytarharkan kewujudan Orang asli dan memerlukan negeri untuk membayar pampasan kepada orang asal atas pengambilan tanah mereka (Cheah, 2005). Bagi kes di kampung Imahit, pengiktirafan seharusnya

diberikan dan jika ianya diambil sebagai warta kerajaan maka pampasan seharusnya diberikan melalui perbincangan dengan pihak yang terlibat.

Oleh yang demikian, tanggungjawab bagi setiap pihak adalah sangat penting untuk dimainkan agar wujudnya satu hubungan antara pemilik tanah, Pihak Berkuasa Tempatan serta pewarta iaitu Jabatan Perhutanan dalam suatu rancangan yang membolehkan pengurusan tanah dapat diaplikasikan daripada perhubungan di antara tiga pihak tersebut. Bagi menangani masalah pengambilalihan dan konflik tanah adat, pengkaji mencadangkan suatu cara iaitu dengan mewujudkan suatu hubungan dengan komuniti yang tinggal di kawasan tanah adat dan bersama-sama menjaga kemapanan alam sekitar. Kerjasama yang terjalin mampu membantu dalam mencapai kata sepakat atau situasi menang-menang tanpa mengabaikan setiap aspek kepentingan dan kesan yang bakal berlaku.

KESIMPULAN

Konflik tanah adat yang berlaku di kawasan kajian adalah perlu dikaji semula dan dibincangkan bersama penduduk kampung yang terlibat dalam pewartaan hutan simpan kelas II tersebut. Akibat pengambilalihan melalui pewartaan tersebut dalam menjaga kemapanan alam sekitar, kebanyakan responden bimbang hutan dan kehidupan masyarakat orang asal akan menjadi mangsa pewartaan dan pelaksanaan sesuatu dasar pembangunan yang berlaku pada hari ini. Perlu di ingat bahawa Hutan Simpan Kelas II adalah untuk tujuan komersial iaitu pembalakan. Pembalakan bererti kepupusan khazanah hutan yang telah sekian lama dijaga oleh penduduk Kampung Imahit. Langkah mitigasi perlulah dilakukan jika usaha tersebut melibatkan kehidupan masyarakat orang asal dan mengenal pasti jangkaan impak yang bakal berlaku. Selain daripada itu, pengiktirafan kedudukan dan hak orang asal haruslah diberi perhatian kerana setiap orang asal di dunia mempunyai hak sama rata terhadap kehidupan mereka yang terdiri daripada hak pendidikan, sosial dan juga hak terhadap tanah. Hak terhadap tanah adalah sangat penting kerana majoriti orang asal yang terdapat di seluruh dunia masih lagi mengamalkan cara kehidupan tradisional yang sangat bergantung kepada alam semula jadi yang terdapat di persekitaran mereka.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, H. (1956). *Undang-Undang tanah lesen pendudukan sementara dan permit*. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Cheah, W. L. (2005). Sagong tasi and orang asli rights in Malaysia: Victory, milestone or false start? *Law, Social Justice & Global Development Journal (LGD)*.
- Colchester, M., Farhan Ferrari, M., Nelson, J, K.C, Zaninka, P. Venant, M. Balawag, L.R.G. (2008). *Conservation and indigenous peoples: Interim report*. Forest people programme: England.
- Dimbab Ngidang. (2007). Kuasa Pasaran ,Ruang Tanah Adat dan Pembangunan Tanah di Sarawak. *Seminar Antarabangsa Tanah Keterhakistan Sosial dan Ekologi;Pengalaman Malaysia dan Indonesia*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-5 Disember 2007.
- Huntington, S.P. (1999). "Keynote Address". Paper presented at colorado collage's 125t anniversary symposium cultures in the 21st century: Conflicts and convergences. colorado college. 4 Februari, 1999.
- Foo,J., Harifah, M.N. (2012). Respons masyarakat tempatan terhadap pelaksanaan sistem tagal. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space* 7, (14-25).
- Foo, J. (2011). Sistem tagal dalam industri pelancongan: manfaat kepada komuniti. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space*, 7, 14-25.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample saiz for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Mohd Shafiq Akmal Kasimun & Azima Abdul Manaf. (2014a). Komuniti Bidayuh Serian, Sarawak: memahami keperluan pemilikan tanah adat yang diiktiraf. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9*, 30 Ogos 1 Sept. 2014, Kuala Terengganu.
- Ordinan Tanah Sabah, Cap.68. (1996). Together with the subsidiaryy legislation made thereunder. Government Printer.
- Ordinance. (1953). *Art 161a clause 7 federal constitution, and interpretation (Definition Of A Native)*. Government Printer

- Ramy Bulan. (2003). *Tanah adat: Amanah sebagai alat untuk pembangunan tanah di Sarawak*. In: Fadzilah Majid Cooke (eds) *State communities and forest in contemporary Borneo*. Asia Pacific Environment Monograph 1
- Simpson. (1976). Chapter 5: The torrens system, controller of HMSO and the queen's printer, Scotland.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (2014). *Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli*. Jaringan Orang Asal Semalaysia, Donggongon Sabah.
- Telapak. (2011). *Mengurus utamakan masyarakat adat dalam adaptasi dan mitigasi perubahan iklim*. telapak, gadung alumni IPB, Indonesia.
- Yogeswaran Subramaniam. (2007). *Hak-hak antarabangsa orang-orang asal: perkembangan kemajuan dan kemerosotan*. Center For Orang Asli Concerns

Temubual

- Barani Ambise, 46. Pengerusi Badan Bertindak Kampung Imahit. 2014
- Johndy Kwar, 30. Penduduk kampung Imahit : Salah seorang penduduk yang ditangkap atas kesalahan bercucuk tanam di kawasan Hutan simpan. 2014
- Sarim Arus, 58. Penduduk Asal kampung Imahit. 2014
- Ansam @Azman Bin Yapau, 57. Penduduk kampung Imahit : Salah seorang penduduk yang ditangkap atas kesalahan bercucuk tanam di kawasan Hutan simpan. 2014
- Stanley Boyor, 55. Penduduk kampung Imahit : Salah seorang penduduk yang ditangkap atas kesalahan bercucuk tanam di kawasan Hutan simpan. 2014
- Siam Mantang, 75. Penduduk asal Kampung Imahit. 2014
- Rut Ambisie, 52. Penduduk kampung Imahit. 2014